

SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/06/41 (HQ)

CAHAYA LJK8 MENERANGI PAHANG

Sebanyak 7,770 unit lampu jalan akan dipasang di kampung-kampung di negeri Pahang di bawah projek Lampu Jalan Kampung Fasa Lapan (LJK8) dalam usaha berterusan kerajaan menerangi kawasan luar bandar.

Projek pencahayaan LJK8 peringkat negeri Pahang tersebut diumumkan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, dalam Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga Felda Chini, di sini, hari ini.

Sebanyak RM100 juta diperuntukkan oleh kerajaan untuk menyediakan 122,133 unit lampu jalan di seluruh negara, di bawah LJK8. Daripada jumlah tersebut, 6,333 unit adalah lampu jenis LED atau Light Emitting Diode, manakala selebihnya ialah jenis High Pressure Sodium Vapour (HPSV).

Projek pemasangan lampu jalan kampung ini bermula sejak tahun 2003, menerusi program Bekalan Elektrik Luar Bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pula adalah agensi pelaksana projek berkenaan.

Dalam fasa satu hingga fasa tujuh LJK, sebanyak 300,000 unit lampu jalan kampung telah dipasang di seluruh negara dengan kos RM150 juta. Di negeri Pahang, 25,612 unit telah dipasang.

Terdahulu, YAB Perdana Menteri telah melancarkan projek yang sama di peringkat Negeri Sembilan dan Perak dengan masing-masing melibatkan 4,337 dan 12,680 unit lampu.

Majlis pelancaran turut dihadiri Menteri Besar Pahang, YAB Dato Sri Diraja Adnan Yaakob, Pengarah KKLW Pahang, Dato' Mohd Aruwan Ab Aziz dan Pengurus Besar Kanan, (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Dikeluarkan di Kuantan, pada jam 6:00 petang, 17 Jun 2017

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Datuk Omar Sidek (013-3418988) / Nor Hanim Idris (019-2617617) atau media@tnb.com.my